

19/10/2003

Tengku Nasyarudin tiru gaya PM

KUALA LUMPUR: Pameran foto Seribu Wajah Dr Mahathir di Balai Seni Lukis Negara di sini terus mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat.

Ada pengunjung begitu terpegun, sayu dan sedih apabila menatap foto Dr Mahathir yang bakal bersara akhir bulan ini.

Namun, Tengku Nasyarudin Tengku Ibrahim, murid tahun enam, Sekolah Kebangsaan Sri Intan, Kluang seronok menggayakan sorakan yang dilakukan oleh Dr Mahathir dalam koleksi foto pameran itu.

Nasyarudin adalah antara puluhan ribu pengunjung yang melihat pameran itu sejak dibuka kepada orang ramai 6 Oktober lalu dan berakhir awal Disember depan.

Dia yang mengunjungi Balai Seni Lukis Negara (BSLN) bersama 60 rakan sekolah dan guru pengiring berkata dia memang ternanti-nanti untuk melawat BSLN sempena pameran foto Seribu Wajah Dr Mahathir .

"Kami sudah melawat beberapa tempat menarik di seluruh Kuala Lumpur tetapi kunjung ke BSLN ini paling saya tunggu-tunggu kerana ingin melihat koleksi foto Dr Mahathir," katanya.

Pameran yang menghimpunkan 500 foto rakaman pelbagai pertubuhan media turut memaparkan 500 lagi koleksi yang dipaparkan dalam bentuk multimedia.

Selain tertarik dengan pelbagai ekspresi wajah Dr Mahathir yang lucu, tegas, romantis dan bersahaja pengunjung juga tertarik dengan teknik fotografi yang digunakan. Ramai yang menyifatkan pameran ini adalah penghargaan terbaik pihak media untuk meluahkan perasaan mereka melalui seni fotografi yang halus dan kreatif.